

NOTIS SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

| NO. SEBUTHARGA | TAJUK | KOD BIDANG | TEMPOH PEMBUKAAN SEBUTHARGA | TARIKH TUTUP & TAKLIMAT |
|----------------|---|------------|---------------------------------|--|
| Bil. 6/2019 | Pembekal Perkhidmatan <i>Future SME Conference 2019</i> | 221305 | 21 Jun 2019 hingga 4 Julai 2019 | <p>Tarikh Tutup: 4 Julai 2019 12.00 tengahari</p> <p>Tarikh Taklimat: 25 Jun 2019 (Selasa), 10.00 pagi Dewan Mahkota, SME Corp. Malaysia, Aras 5, Blok B, Platinum Sentral</p> |

2. Pembekal yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang baharu dan peraturan baru pendaftaran mulai 17 Jun 2012. Penguatkuasaan ini dikenakan ke atas semua syarikat dan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Sila rujuk laman web rasmi ePerolehan di www.eperolehan.gov.my untuk maklumat lanjut.
3. Syarikat yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri **TAKLIMAT KHAS SEBUTHARGA** pada tarikh, masa dan alamat seperti di atas. Sijil Kehadiran akan diberikan pada hari Taklimat dan wajib dikemukakan bersama-sama Cadangan Tawaran. Syarikat yang tidak hadir Taklimat dan/atau gagal mengemukakan Sijil Kehadiran asal boleh tidak dipertimbangkan.
4. Dimaklumkan juga bahawa Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di laman sesawang SME Corp. Malaysia. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
5. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen sepetimana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga.
6. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebutharga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Aras 5, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

7. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
8. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.